



## Persepsi masyarakat terhadap Pengkid di Malaysia (Public perception of Pengkid in Malaysia)

Open  
Access

Adibah Abdul Rahim <sup>1,\*</sup>, Mariam Adawiah Dzulkifli <sup>2</sup>, Rohaiza Rokis <sup>3</sup>

<sup>1</sup> Department of Usul al Din and Comparative Religion, Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM), Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup> Department of Psychology, Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM), Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>3</sup> Department of Sociology and Anthropology, Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIUM), Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

---

### ARTICLE INFO

### ABSTRACT

**Article history:**

Received 13 January 2017

Received in revised form 3 February 2017

Accepted 4 February 2017

Available online 21 February 2017

Pengkid merujuk kepada seorang perempuan yang berpenampilan dan berperwatakan seperti lelaki disamping mempunyai naluri seksual kepada kaum sejenis. Ianya berbeza dengan lesbian yang merujuk kepada perempuan yang berperwatakan dan berpenampilan normal sebagai perempuan, namun tarikan seksual mereka lebih kepada kaum sejenis. Walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa pengkid adalah haram dan dilarang sama sekali, gejala tersebut dilihat masih berleluasa dalam masyarakat Islam Malaysia. Dengan menggunakan metodologi kuantitatif melibatkan 1298 responden bagi kaedah borang kaji selidik dan metodologi kualitatif melibatkan 19 responden yang ditemubual, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti golongan pengkid, faktor-faktor penularan gejala pengkid, dan tahap kefahaman dan pengamalan agama pengkid menurut persepsi masyarakat. Ia juga menyarankan beberapa usul dan pelan tindakan bagi membendung gejala pengkid daripada terus berleluasa dalam masyarakat hari ini. Dapatkan kajian ini telah menggariskan beberapa indikator fizikal dan tingkah laku golongan pengkid. Ia juga mengenal pasti tiga punca utama penularan budaya pengkid iaitu individu dan ibubapa/keluarga, persekitaran, dan agama. Seterusnya kajian mendapati bahawa tahap kefahaman dan pengamalan Islam golongan pengkid mempengaruhi gaya hidup mereka.

*'Pengkid' is a term used to refer to a woman with masculine appearances and is prone to same gender sexual orientation. It is different from the term lesbian who is female homosexual and who experiences romantic love or sexual attraction to other females. 'Pengkid' has been prohibited by the National Council of Fatwa (Majlis Fatwa Kebangsaan), but the problem is still seriously spreading in the society. By using both quantitative and qualitative methodologies, this paper aims at identifying the characteristics of 'pengkid'. In addition, the paper aims to identify contributing factors that lead to the spread of 'pengkid', as well as studying the relationship between pengkid and their level of religious understanding. This paper also provides suggestions and plans of actions to curb the increasing problems of 'pengkid' in society. The study has highlighted several physical and behavioural indicators of pengkid. It also identified three main contributing factors for the problem of pengkid, namely, individual and*

---

\* Corresponding author.

E-mail address: [adibahar@iium.edu.my](mailto:adibahar@iium.edu.my) (Adibah Abdul Rahim)

---

*parents/family, environment, and religion. Furthermore, the study has found that the level of religious understanding and its practices has a direct impact on the lifestyle of a pengid.*

**Keywords:**

Pengid, Indikator fizikal dan tingkahlaku, Kefahaman agama, Masalah sosial, Pelan tindakan

*Pengid, Physical and behavioural indicators, Religious understanding, Social problem, Plan of actions*

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

---

## 1. Pendahuluan

Pengid merujuk kepada seorang perempuan yang berpakaian, berpenampilan dan berpewatakan seperti lelaki, dan mempunyai minat atau naluri seksual terhadap kaum sejenis. Golongan ini cuba menonjolkan identiti jantina berlawanan dengan norma biologi, moral dan sosial kewanitaan yang mereka miliki. Pengid jelas sekali bertentangan dengan fitrah asal manusia dan boleh dirumuskan sebagai satu krisis gender ataupun kecelaruan jantina. Budaya songsang yang terpesong dari landasan keimanan dan peradaban Islam ini turut melanda masyarakat Islam Malaysia.

Berdasarkan beberapa hadis yang secara asasnya merujuk larangan Nabi Muhammad SAW terhadap lelaki yang menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki, para ulama' telah bersepakat menetapkan hukum haram terhadap golongan pengid. Dr. Wahbah al-Zuhaili di dalam *Kitab al-Islami wa Adillatuhu*<sup>2</sup> menegaskan bahawa haram ke atas lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki. Ini berdasarkan hadis daripada Ibn Anas r.a berkata, "Rasulullah SAW melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita"<sup>3</sup>.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, wanita yang menyerupai lelaki dalam kontek hadis tersebut merangkumi aspek berpakaian, gaya rambut, perhiasan, penampilan, cara bercakap, dan sebagainya. Pendapat yang sama telah disuarakan oleh al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin menerusi *Fatawa wa Rasail li al-Nisa'*. Beliau bersandarkan hadis yang dipetik daripada Abi Hurairah r.a iaitu; "Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakaian perempuan, dan perempuan yang memakai pakaian lelaki"<sup>4</sup>.

Terdapat juga beberapa hadis lain yang dapat digunakan untuk menyokong pengharaman pengid. Antaranya ialah hadis yang dipetik daripada Salim ibn Abdullah dan daripada bapanya yang berkata; Rasulullah SAW bersabda, "Tiga golongan manusia yang tidak akan dipandang oleh Allah di akhirat kelak; orang yang derhaka kepada orang tua, wanita yang menyerupai laki-laki, dan dayus"<sup>5</sup>.

Salah satu ciri pengid adalah mempunyai naluri seksual terhadap pasangan sejenis serta melakukan hubungan seks di luar tabii. Menurut istilah agama Islam, hubungan luar tabii yang berlaku antara seorang wanita dengan wanita lain dinamakan *sihaq* atau *musahaqah*. Dalam masyarakat hari ini, hubungan ini lebih dikenali sebagai lesbian. Perbuatan ini dianggap amalan terkutuk yang dilarang keras oleh agama Islam. Malah para ulama' bersepakat mengatakan bahawa lesbian haram di sisi *syara'*. Pengharaman tersebut merujuk sebuah hadis Rasulullah SAW yang

---

<sup>2</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Kitab al-Islami wa Adillatuhu* (Damascus: Dar al-Fikr, 1989), jilid. 7, ms 290 & 291

<sup>3</sup> Hadis riwayat al-Bukhari, Abu Daud, al-Tarmizi, Ibn Majah, dan Ahmad.

<sup>4</sup> Hadis riwayat Ahmad, dan Abu Daud. Rujuk kepada al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin, *Fatawa wa Rasail li al-Nisa'*.

<sup>5</sup> Hadis riwayat al-Nasai.

bermaksud; ‘Seorang lelaki janganlah melepaskan nafsunya kepada seorang lelaki di dalam sehelai kain dan seorang perempuan janganlah melepaskan nafsunya kepada seorang perempuan di dalam sehelai kain’<sup>6</sup>.

Dalam konteks hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengharaman hubungan seks antara seorang perempuan dengan pasangan perempuannya. Dalil pengharaman perlakuan lesbian yang menjadi salah satu ciri pengid juga dipetik daripada sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud; ‘Apabila seorang lelaki mendatangi seorang lelaki (melakukan hubungan seks) maka kedua-duanya ialah penzina dan apabila seorang perempuan mendatangi seorang perempuan maka kedua-duanya ialah penzina’<sup>7</sup>.

Dari perspektif Islam, golongan pengid sebenarnya telah menentang fitrah kejadian Allah dan bersikap tidak normal. Tabiat lelaki dan tabiat perempuan adalah jelas daripada segi *syara'* dan ajaran Islam. Jika ada lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki, maka perbuatan sedemikian dianggap tidak normal dan menentang fitrah.

Golongan pengid harus dibezakan daripada golongan khunsa yang diiktiraf oleh Islam. Pengiktirafan ini menunjukkan Islam memandang golongan khunsa<sup>8</sup> sebagai manusia normal tetapi ditetapkan beberapa perbezaan aspek seperti di dalam aspek ibadah. Contohnya, penetapan posisi solat untuk golongan khunsa sudah ditetapkan oleh jumhur ‘ulama’ iaitu berada di saf ke-tiga selepas dewasa dan kanak-kanak lelaki. Saf di belakang golongan khunsa adalah wanita. Justeru, golongan pengid tidak di kategorikan di dalam golongan khunsa dan hukum perlakuannya adalah jelas haram di sisi Islam kerana mengubah ciptaan dan kejadian fitrah diri yang telah ditetapkan oleh Allah. Golongan pengid tidak sepatutnya angkuh melawan ketetapan Allah SWT dengan menonjolkan perwatakan yang berlawanan dengan ciri-ciri kewanitaan. Lelaki mahupun wanita Islam adalah ditegah menampilkkan diri dengan penampilan yang bertentangan dengan sifat-sifat semulajadi mereka atau dalam erti kata lain meniru dan menyerupai (*tasyabhu*) jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka. Perlu diingatkan bahawa setiap individu mempunyai kuasa memilih (freedom of choice) dan dikurniakan akal fikiran di samping panduan ajaran agama yang jelas untuk memilih pilihan yang betul. Secara psikologi, tabiat buruk seseorang boleh dihentikan sekiranya dia mempunyai daya keinginan yang tinggi untuk berubah dan memilih untuk tidak meneruskan tabiat buruk tersebut.

*Syari'at* Islam telah menerangkan secara jelas tentang halal dan haram serta baik dan buruk sesuatu perkara. Ianya menjelaskan secara terperinci mengenai semua aspek kehidupan manusia termasuk batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan, cara berpakaian serta perwatakan yang sewajarnya. Melakukan perkara yang melampaui batasan agama seperti amalan pengid sudah pasti mengundang pelbagai implikasi buruk di dalam masyarakat. Selain mencemari identiti diri sebenar seorang perempuan, amalan pengid boleh menyebabkan kekeliruan gender dalam masyarakat. Ianya menyebabkan lelaki dan wanita sebenar sukar mencari pasangan. Amalan pengid seterusnya boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan yang terhasil daripada sebuah perkahwinan antara lelaki dan wanita. Seandainya budaya keji ini tidak dibendung, ianya boleh menyebabkan kepupusan zuriat manusia disebabkan ketiadaan hubungan seks sebenar.

<sup>6</sup> Al-Syaukani, *Nail al-Autar Sharh al-Muntaqal al-akhbar*, (Cairo: Matb'ah Mustafa al-Halabi, 1982), jilid. 6, ms 16

<sup>7</sup> Nail al-Autar 7:30.

<sup>8</sup> Khunsa secara istilah adalah seseorang yang mempunyai dua kelamin; kelamin lelaki dan kelamin perempuan, atau orang yang tidak mempunyai salah satu dari dua alat vital tersebut, tetapi ada lubang untuk keluar air kencing. Rujuk al-Fayumi, *al-Misbah al-Munir* (Cairo: Dar al-Hadith, 2003), ms 112.

Meskipun Majlis Fatwa Kebangsaan<sup>9</sup> telah memutuskan bahawa perlakuan pengkid adalah haram dan dilarang sama sekali, senario terkini dan laporan-laporan kes melibatkan pengkid dalam masyarakat Malaysia menunjukkan gejala tersebut masih lagi berleluasa, malah menjadi semakin ketara.

Terma ‘pengkid’ boleh dikatakan satu terma yang agak baru yang tidak mempunyai akar bahasa mahupun akronim tertentu. Kajian awal melalui pembacaan terhadap terma ‘pengkid’ merujuk kepada seorang perempuan yang berpakaian, berpenampilan dan berpewatakan seperti lelaki dan mungkin mempunyai minat atau naluri seksual kepada kaum sejenis iaitu kaum wanita. Mereka mempunyai atau cuba menampakkan ciri-ciri fizikal dan kelakuan sebagai seorang lelaki. Namun hakikatnya mereka adalah seorang perempuan dari segi biologinya.

Seseorang pengkid mempunyai kecenderungan untuk menjalinkan hubungan dengan wanita dan mereka akan memainkan peranan sebagai orang lelaki. Mereka berkasih sayang, bercinta dan ada yang sehingga melakukan hubungan seks. Akan tetapi, ada juga perempuan yang selesa berpakaian seperti lelaki. Namun naluri dan keinginan mereka masih lagi seperti seorang perempuan – mereka ini dirujuk sebagai tomboy. Manakala lesbian merujuk kepada perempuan yang berpewatakan dan berpenampilan normal sebagai perempuan. Namun naluri seksual mereka adalah kepada kaum sejenis.

Pengkid, tomboy dan lesbian merupakan penyakit kronik masyarakat kini. Budaya songsang ini jelas sekali bertentangan dengan fitrah asal manusia dan boleh dirumuskan sebagai kecelaruan jantina. Pengkid misalnya cuba menonjolkan identiti gender berlawanan dari norma-norma biologi, moral dan sosial yang mereka miliki. Krisis identiti seperti ini memerlukan mekanisma pengenalan identiti yang jelas. Jika golongan maknyah atau pondan dapat dikenali melalui pemakaian dan tingkah laku mereka. Bagaimana pula dengan pengkid? Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti golongan pengkid, faktor-faktor penularan gejala pengkid, dan tahap kefahaman dan pengamalan agama pengkid menurut persepsi masyarakat. Ia juga menyarankan beberapa usul dan pelan tindakan bagi membendung gejala pengkid daripada terus berleluasa dalam masyarakat hari ini.

## 2. Tinjauan literatur

Tidak terdapat kajian ilmiah yang menyatakan secara komprehensif berkenaan ciri-ciri fizikal pengkid. Setakat ini juga, tiada pendapat yang jelas perkaitan antara pengkid dengan hubungan genetik. Gejala perempuan menyerupai lelaki mungkin ada hubung kaitnya dengan ‘genetic disorder’. Salah satu contoh ‘genetic disorder’ ialah *congenital adrenal hyperplasia* (CAH). Mereka yang mengalami CAH kekurangan enzim *adrenal gland* untuk merembeskan hormon *cortisol* dan *aldosterone*. Ketiadaan kedua-dua hormon ini menyebabkan tubuh badan seseorang cenderung untuk mengeluarkan lebih *androgen*, iaitu hormon seks lelaki dan ini akan menumbulkan sifat-sifat dan ciri-ciri kelelakian seseorang perempuan itu. Menurut pernyataan di dalam Medline Plus Medical Encyclopedia, seramai 1 dalam 10,000 kepada 18,000 kanak-kanak dilahirkan dengan CAH. Kajian Saintifik yang dijalankan oleh Berenbaum meyokong pernyataan tersebut. Kajiannya menyatakan bahawa kanak-kanak perempuan yang mengidap CAH telah menunjukkan ‘sex-atypical preferences’ iaitu lebih keinginan terhadap aktiviti kelelakian dan cabang kerjaya maskulin. Kecenderungan terhadap aktiviti keperempuanan dan cabang kerjaya feminin juga menurun<sup>10</sup>.

<sup>9</sup> Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagai amanah diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluarkan fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja.

<sup>10</sup> Berenbaum, S.A (1999). “Effects of Early Androgens on Sex-Typed Activities and Interests in Adolescents with Congenital Adrenal Hyperplasia”. Hormone and Behaviour, vol 35, no 1 (1999): 102-110.

### 3. Metodologi

#### 3.1. Responden kajian

Seramai 1298 responden dari daerah Seremban, Port Dickson, dan Rembau, Negeri Sembilan terlibat dalam kaedah borang kaji selidik. Seramai 520 responden (40.1%) ialah dari daerah Seremban, manakala 442 responden (34.1%) dari daerah Port Dickson dan selebihnya iaitu 336 responden (25.9%) ialah dari daerah Rembau. Mereka terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat dengan pelbagai latar belakang dari segi jantina, umur, bangsa, agama, dan tahap pendidikan. Manakala 19 responden yang terdiri daripada 6 orang pengkid, 3 orang pendamping kepada pengkid, seorang kenalan pengkid, 3 orang wakil daripada badan bukan kerajaan (NGO), dan 6 orang pakar daripada pelbagai pengkhususan ilmu telah ditemubual.

#### 3.2. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan kaedah borang kaji selidik (questionnaire) sebagai instrumen kajian dan temu duga berstruktur (structured interview). Bagi kaedah borang kaji selidik, sampel (sample) kajian ialah orang ramai daripada pelbagai golongan. Manakala teknik penyempelan (sampling) pula menggunakan sampel rambang bermatlamat (purposive sampling). Ini bagi memastikan agar kajian ini dapat mengumpulkan sejumlah sampel sasaran tertentu dari segi etnik, jantina, pendidikan (agama dan pelajaran), pekerjaan, pendapatan, agama serta latar belakang keluarga. Ini dilakukan bagi mengurangkan isu kecenderungan (bias) kepada elemen tertentu. Temu duga berstruktur (structured interview) juga telah dijalankan terhadap kumpulan dan individu sasaran. Mereka terdiri daripada tokoh agama dan akademik, peguam, doktor perubatan, pekerja sosial dan yang paling utama ialah pengkid itu sendiri termasuk pendamping dan mangsa pengkid.

#### 3.3. Analisa data

Maklum balas dan maklumat-maklumat yang dinyatakan oleh responden samada melalui borang kaji selidik ataupun temubual berstruktur telah dianalisa melalui dua kaedah. Kaedah pertama dinamakan kaedah analisis kuantitatif dan kaedah kedua ialah analisis kualitatif. Analisis kuantitatif digunakan untuk menganalisis maklum balas responden daripada kaedah borang kaji selidik, manakala analisis kualitatif digunakan untuk menganalisis maklum balas responden terhadap temuduga berstruktur.

### 4. Dapatan kajian dan Perbincangan

#### 4.1. Indikator Fizikal dan Tingkahlaku Pengkid

Indikator fizikal telah disusun mengikut turutan peratusan tertinggi. Indikator yang mempunyai peratusan persetujuan yang tinggi daripada responden boleh dijadikan indikator utama atau penting dalam mengenal pasti golongan pengkid. Sebanyak 16 indikator atau ciri-ciri fizikal telah dikenal pasti terdapat pada golongan pengkid.

Hampir semua responden iaitu lebih 90% bersetuju menyatakan bahawa pengkid berpakaian tidak menampakkan buah dada, berpakaian seperti lelaki, memakai aksesori lelaki, berambut pendek potongan lelaki seperti potongan cut 1, cut 2, dan skinhead, serta tidak mempunyai organ jantina lelaki. Dengan peratusan persetujuan responden yang sangat tinggi, indikator-indikator fizikal ini dianggap sangat penting dalam mengenal pasti identiti golongan pengkid.

**Jadual 1**

Indikator Fizikal Pengkid

No. 1	Indikator Fizikal	Peratusan responden bersetuju (%)
1.	Tidak menampakkan buah dada	91.6
2.	Berbaju seperti lelaki	91.2
3.	Memakai aksesori lelaki	91.1
4.	Rambut pendek	91.0
5.	Tidak mempunyai organ jantina lelaki	90.5
6.	Memakai kasut lelaki	89.9
7.	Tidak mempunyai halkum	87.9
8.	Tidak mengenakan sebarang kosmetik	87.9
9.	Tidak menampakkan punggung	86.1
10.	Memakai bengkung dada	84.8
11.	Berseluas besar dan longgar	83.4
12.	Berbaju besar dan longgar	80.8
13.	Tidak menampakkan bentuk pinggang	76.4
14.	Tidak memakai coli	58.6
15.	Mempunyai rupa paras maskulin	53.5
16.	Mempunyai struktur badan lelaki	48.2

Indikator fizikal lain yang juga dianggap penting dan boleh digunakan bagi mengenali golongan pengkid adalah memakai kasut lelaki, tidak mempunyai halkum, tidak mengenakan sebarang kosmetik, berpakaian tidak menampakkan punggung, memakai bengkung dada, berseluas besar dan longgar, berbaju besar dan longgar. Didapati lebih 80% responden bersetuju bahawa pengkid mempunyai ciri-ciri fizikal tersebut. Penampilan sebegini amat ketara di kalangan pengkid bagi menonjolkan ciri-ciri kelelakian.

Manakala 76.4% responden bersetuju menyatakan bahawa pengkid berpakaian tidak menampakkan punggung. Dapat ini dilihat konsisten dengan dapatan sebelumnya iaitu pengkid berpakaian tidak menampakkan buah dada. Sementara itu, hanya 48.2% responden didapati bersetuju menyatakan pengkid mempunyai struktur badan seperti lelaki. Mereka berpendapat bahawa seseorang pengkid tidak semestinya mempunyai struktur badan seperti lelaki. Disebabkan peratusan persetujuan yang agak rendah, indikator ini dianggap kurang relevant untuk digunakan bagi mengenali golongan pengkid.

Di samping indikator fizikal, pengkid juga boleh dikenalpasti melalui tingkahlaku. Seperti indikator fizikal, indikator tingkahlaku juga disusun mengikut turutan peratusan tertinggi. Indikator yang mempunyai peratusan persetujuan yang tinggi oleh responden boleh dijadikan indikator utama atau penting dalam mengenal pasti golongan pengkid.

Lebih daripada 90% respondent bersetuju menyatakan bahawa pengkid berkelakuan seperti lelaki, gaya jalan seperti lelaki, dan berminat kepada golongan wanita. Manakala lebih daripada 80% respondent bersetuju bahawa pengkid suka memegang, merangkul, atau memeluk wanita pendamping, mempunyai keinginan seksual terhadap wanita, dan berbisik-bisik manja dengan wanita pendamping.

Sebanyak 79.5% responden pula bersetuju menyatakan pengkid adalah perokok. Justeru, merokok yang begitu sinonim dengan perwatakan lelaki boleh dikaitkan sebagai salah satu indikator tingkahlaku bagi golongan pengkid. Memandangkan mereka ingin menonjolkan diri sebagai lelaki maka kebanyakan mereka merokok, dan ini dilakukan secara terang-terangan.

Lebih 75% responden bersetuju menyatakan pengkid boleh dikenali dengan cara percakapan mereka samada dengan nada yang kuat atau secara kasar. Kedua-dua ini merupakan faktor tingkahlaku maskulin. Jadi, tidak mustahil untuk seorang pengkid bercakap kasar dan dengan nada yang kuat semata-mata untuk menyerlahkan sisi maskulin mereka. Manakala 73.3% responden

bersetuju bahawa pengid mempunyai keinginan seksual terhadap kaum wanita. Antara ciri lain yang boleh menyokong indikator tingkah laku pengid ialah mereka membenci lelaki, dan mengagumi lelaki sehingga ingin menjadi lelaki.

**Jadual 2**  
Indikator Tingkah laku Pengid

No.	Indikator Tingkah laku	Peratusan responden bersetuju (%)
2		
1.	Berkelakuan seperti lelaki	93.2
2.	Jalan seperti lelaki	92.3
3.	Berminat kepada golongan wanita	90.0
4.	Suka memegang, merangkul atau memeluk wanita pendamping	85.0
5.	Mempunyai keinginan seksual terhadap wanita	84.3
6.	Berbisik-bisik manja dengan wanita pendamping	83.4
7.	Perokok	79.5
8.	Bercakap kasar	78.2
9.	Bercakap dengan nada yang kuat	75.3
10.	Menjalin hubungan seks dengan wanita pendamping	75.3
11.	Membenci lelaki	59.5
12.	Mengagumi lelaki sehingga ingin menjadi lelaki	59.3

Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa terdapat dua (2) kategori indikator tingkah laku. Kategori pertama ialah indikator tingkah laku yang jelas pada penglihatan mata kasar seperti merokok, mempunyai gaya jalan seperti lelaki, berkelakuan seperti lelaki, dan bercakap dengan nada kuat dan kasar. Manakala kategori kedua ialah indikator tingkah laku yang tidak jelas pada penglihatan mata kasar tetapi hanya diketahui oleh mereka yang dekat dengan golongan pengid seperti berminat kepada golongan wanita, mempunyai keinginan seksual serta menjalin hubungan seks dengan wanita, dan membenci lelaki atau mengagumi lelaki.

Kajian ini mendapati bahawa golongan pengid boleh dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan. Kumpulan pertama ialah pengid tegar (hardcore) yang berkemungkinan sukar atau hampir pasti tidak boleh diubah. Kumpulan kedua ialah pengid pertengahan yang separuh tegar dan berkemungkinan masih boleh diubah. Manakala kumpulan ketiga ialah pengid tidak tegar yang berkemungkinan besar boleh diubah atau dipulih dengan mudah.

Kajian ini mencadangkan indikator fizikal dan tingkah laku daripada hasil kaji selidik ini boleh diguna pakai untuk mengenal pasti kategori seseorang pengid. Kumpulan pengid tegar boleh dikenal pasti jika seseorang itu memenuhi kebanyakan indikator fizikal dan indikator tingkah laku (iaitu  $75\% = 12$  daripada 16 indikator fizikal; 9 daripada 12 indikator tingkah laku), manakala pengid pertengahan boleh dikenal pasti jika seseorang itu memenuhi 50% daripada indikator fizikal (iaitu 8 daripada 16 indikator fizikal dan 6 daripada 12 indikator tingkah laku). Sementara itu, pengid tidak tegar merujuk seseorang yang memenuhi 25% daripada indikator fizikal dan tingkah laku (iaitu 4 daripada 16 indikator fizikal; 3 daripada 12 indikator tingkah laku).

#### 4.2. Fakor-faktor gejala pengid

Sebanyak 77% responden atau empat (4) daripada lima (5) orang menyatakan bahawa mereka mengenali pengid. Ini menunjukkan bahawa gejala pengid telah berleluasa sehingga empat (4)

daripada setiap lima (5) orang responden mengenali mereka. Sejumlah 375 orang atau 3 (3) daripada sepuluh (10) orang responden yang mengenali pengkid melaporkan bahawa mereka bergaul dengan pengkid, dan lebih menakutkan lagi 148 daripada 375 atau dua (2) daripada lima (5) orang yang bergaul dengan pengkid tidak menyedari tentang isu-isu yang berkaitan dengan pengkid seperti isu pengharaman pengkid dan pengaruh budaya pengkid. Mereka juga menganggap bahawa pengkid hanyalah isu terpencil dan tidak membimbangkan mereka serta tidak ada kaitan dengan mereka.

Kedua-dua dapatan kuantitatif dan kualitatif daripada kajian mendapati bahawa penularan budaya pengkid adalah diakibatkan oleh pengaruh media massa, rakan sebaya, latar belakang keluarga yang bercelaru, perasaan ingin tahu, tiada kemahiran bersosial, pengaruh budaya barat, ideologi dan falsafah moden, tidak menyanjung tatatusila masyarakat, mengagungi kepentingan hak diri yang terlampau, dan menuruti hawa nafsu kerana ekspresi diri. Kebanyakan faktor penularan pengkid disebabkan oleh tiga punca utama iaitu diri individu, ibubapa/keluarga, persekitaran, dan agama. Ini melibatkan cara didikan oleh keluarga dan cara pergaulan individu tersebut. Menurut perspektif agama, sosiologi dan psikologi, punca-punca tersebut perlu dititikberatkan semenjak kecil lagi bagi membentuk jatidiri seseorang di masa hadapan.

Persepsi masyarakat yang menganggap perlakuan pengkid merupakan hak asasi setiap manusia adalah amat membimbangkan. Persepsi sebegini ditakuti membawa kepada tren masyarakat Malaysia yang terikut-ikut dengan pandangan Barat yang menganjurkan idea kebebasan hak tanpa batasan. Mereka merasakan manusia bebas melakukan aktiviti songsang dan tidak bermoral atas dasar hak kebebasan individu tanpa menghirau aspek kebudayaan dan keagamaan. Di dalam isu pengkid, golongan ini tidak boleh mendakwa bahawa perbuatan mereka sebagai hak kebebasan individu kerana konsep kebebasan individu harus dibatasi oleh tanggungjawab serta kewajipan yang harus dipikul. Pengkid tidak seharusnya menggunakan konsep kebebasan untuk melampaui batasan yang telah digariskan oleh agama.

#### 4.3. Tahap kefahaman dan pengamalan agama pengkid

**Jadual 3**  
Tanggapan Terhadap Tahap Kefahaman Agama Pengkid

No. 3	Tanggapan Terhadap Kefahaman Agama Pengkid	Peratusan responden bersetuju (%)
1.	Pengkid melangkaui batasan agama	93.3
2.	Pengkid tidak mengambil peduli ajaran agama	91.3
3.	Pengkid kurang kefahaman agama	90.4
4.	Pengkid kurang faham makna syariah dan hukum Islam	83.9
5.	Pengkid memahami konsep dosa dan pahala	47.2
6.	Pengkid faham makna Islam	46.0
7.	Pengkid faham makna halal dan haram	45.9
8.	Pengkid adalah satu isu yang tiada kaitan dengan saya sebagai seorang Muslim/Muslimah	27.6

Kajian mendapati 93.3% responden bersetuju bahawa pengkid melampaui batasan agama. Manakala 91.3% responden bersetuju bahawa pengkid tidak mengambil peduli ajaran agama, dan sikap tersebut menyebabkan mereka melanggar batasan yang digariskan agama. Manakala 90.4% pula bersetuju bahawa pengkid kurang memahami agama. Peratusan persetujuan yang tinggi terhadap kefahaman agama yang cetek di kalangan pengkid ini menyokong pernyataan sebelumnya. Hampir 50% responden pula bersetuju bahawa pengkid memahami makna Islam. Namun, mereka tidak mengambil peduli ajaran Islam dan tetap melangkaui batasan agama.

Majoriti responden iaitu 83.9% bersetuju bahawa pengkid kurang memahami makna syariah dan hukum Islam. Manakala 54.1% responden pula bersetuju bahawa pengkid tidak memahami tentang halal dan haram, dan ini menyumbang kepada penglibatan mereka di dalam gejala tersebut. Sementara itu, 52.8% responden tidak bersetuju menyatakan pengkid memahami konsep dosa dan pahala.

**Jadual 4**

Tanggapan Terhadap Pengamalan Agama Pengkid

No.4	Tanggapan Pengamalan Agama Pengkid	Peratusan responden bersetuju (%)
1.	Pengkid perlu sedar tentang tanggunjawab sebagai seorang anak perempuan	94.4
2.	Pengkid tidak mengamalkan ajaran agama dari segi etika berpakaian	91.5
3.	Pengkid gemar menghadiri majlis-majlis agama/ceramah agama	90.7
4.	Pengkid suka membaca bahan-bahan berkaitan agama	91.0
5.	Pengkid telah diharamkan mengikut muzakarah jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan	91.0
6.	Pengkid tidak memahami konsep kebebasan individu menurut perspektif Islam	82.6
7.	Pengkid tidak tahu dan tidak memahami bahawa perlakuannya adalah salah satu jenayah syariah	68.2
8.	Pengkid memahami konsep perkahwinan dalam Islam	58.0
9.	Pengkid tidak berniat untuk bertaubat ke jalan yang benar	30.8
10.	Pengkid tidak mencalar imej sebagai seorang Muslimah	11.9
11.	Pengkid mempunyai pegangan akidah yang kuat	9.3

Kajian mendapati 31.8% responden beranggapan bahawa pengkid sebenarnya mengetahui perlakuannya merupakan salah satu jenayah shariah tetapi tidak mempedulikannya. Manakala 41.9 % responden tidak bersetuju bahawa pengkid memahami konsep perkahwinan dalam Islam. Mereka menganggap bahawa pengkid tidak memahami konsep perkahwinan yang memerlukan kepada pasangan berbeza jantina. Perhubungan sesama jenis yang dilakukan pengkid bercanggah dengan konsep perkahwinan dari perspektif Islam. Sementara itu, majoriti responden iaitu 82.6% bersetuju bahawa pengkid tidak memahami konsep kebebasan individu menurut perspektif Islam.

Seramai 91.5% responden bersetuju menyatakan bahawa pengkid tidak mengamalkan ajaran agama dari segi etika berpakaian. Responden beranggapan cara berpakaian pengkid yang menyerupai lelaki serta tidak menutup aurat jelas bercanggah dengan konsep berpakaian di dalam Islam. Lebih 90% responden pula bersetuju menyatakan bahawa pengkid gemar menghadiri majlis2 agama serta suka membaca bahan2 berkaitan agama. Namun, ianya langsung tidak memberi kesan positif terhadap personaliti mereka dan tidak mampu membimbang mereka ke jalan yang benar dan bermoral. Manakala, 92% responden tidak bersetuju bahawa pengkid mempunyai pegangan akidah yang kuat, dan kelemahan akidah ini merupakan faktor penglibatan mereka di dalam gejala tersebut.

Secara umumnya, masyarakat beranggapan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan agama golongan pengkid adalah lemah. Contohnya, dengan gaya rambut dan pakaian menyerupai lelaki, pengkid tidak langsung menghiraukan isu penutupan aurat menurut perspektif Islam.

## 5. Penutup

Perlakuan pengid merupakan satu amalan yang menyerupai kaum Nabi Lut A.S. yang mengamalkan hubungan jenis sesama lelaki dan dikenali sebagai homoseksual. Al-Qur'an dan hadis cukup jelas mengingatkan tentang larangan Allah SWT terhadap perlakuan yang menyerupai amalan kaum Nabi Lut. Kisah amalan hubungan sesama jenis kaum nabi Lut telah diterangkan secara nyata di dalam al-Qur'an Surah ke-26 ayat 160-175. Rasulullah SAW pula bersabda yang bermaksud; "Perkara yang paling aku takuti menimpa ke atasmu ialah perbuatan kaum Lut. Dilaknati mereka yang melakukan seumpama kaum Lut".

Akibat daripada mengingkari nasihat Nabi Lut A.S. supaya bertaubat dan kembali kepada ajaran Allah yang benar, kaum Nabi Lut ditimpakan bencana dan balasan yang dahsyat daripada Allah SWT. Tanah tempat tinggal mereka diterbalikkan ke dalam perut bumi dan mereka juga ditimpakan hujan batu. Jelas bahawa al-Qur'an telah menceritakan kepada manusia tentang sejarah bencana yang menimpa umat terdahulu akibat membelakangkan ajaran Islam yang sebenar.

Justeru, golongan pengid dalam masyarakat hari ini harus mengambil iktibar daripada golongan homoseksual yang diceritakan dalam al-Qur'an. Seandainya perbuatan terkutuk demikian masih terus diamalkan tidak mustahil masyarakat hari ini ditimpakan bencana yang sama seperti kaum terdahulu. Oleh itu, golongan pengid harus bangun daripada fantasi ciptaan mereka dan kembali kepada hukum dan syariat Allah dengan merujuk al-Qur'an dan al-Sunnah. Sabda Rasulullah SAW daripada Ibn Abbas r.a berkata; "Sesungguhnya aku telah meninggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sama sekali sesat selama kamu berpegang kepada keduanya; Kitab Allah dan Sunnah nabiNya".

Jika seekor katak tidak boleh menjadi seekor ular; begitu juga dengan pengid yang dilahirkan sebagai seorang perempuan dan tidak boleh menjadi seorang lelaki. Para 'ulama' berpendapat bahawa amalan pengid yang mempunyai gaya rambut pendek seperti lelaki adalah dilarang di dalam Islam. Menurut Dr Ahmad al-Syarbasi, hukum wanita yang memendekkan rambut dengan tujuan menyerupai lelaki adalah haram. Mengulas isu yang sama, Syeikh Abdul Aziz Ibn Bazz berpandangan bahawa seseorang wanita boleh memotong pendek rambut mengikut kesesuaian dan keselesaan masing-masing dengan tujuan untuk menjaga kerapian serta kebersihan. Perbuatan memendekkan rambut dengan tujuan meniru gaya seorang lelaki adalah dilarang sama sekali. Pandangan yang sama juga turut dikongsi oleh Syeikh Ahmad Kutty, pensyarah kanan Universiti Islam Toronto, Kanada. Beliau menerangkan bahawa wanita boleh memilih untuk berambut pendek dengan tujuan yang baik tetapi perbuatan memendekkan rambut dengan tujuan untuk menyerupai kaum lelaki adalah dilarang.

Di samping itu, kaum wanita harus peka tentang etika berpakaian menurut syara' yang jelas melarang mereka mendedahkan aurat termasuk rambut kecuali di hadapan suami atau lelaki yang mahram dengan mereka sahaja. Bukan hanya gaya rambut malah cara berpakaian seseorang wanita juga harus menepati batasan syara' agar masyarakat tidak menjadi keliru. Etika berpakaian di dalam Islam amat penting bagi memartabatkan maruah seseorang wanita serta mengelakkan pelbagai fitnah, prasangka negatif, dan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Keceluaran identiti dan seksualiti pengid jelas bercanggah dengan ajaran Islam disamping mampu mengundang pelbagai masalah di dalam masyarakat. Oleh itu, pengid merupakan satu penyakit sosial yang perlu dibendung dan ditangani dengan serius. Masyarakat seharusnya peka dengan kewujudan gejala pengid yang semakin menular terutama di kalangan remaja. Perlu diingat bahawa semua golongan masyarakat berperanan membendung gejala pengid. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud; "Barangsiapa yang melihat kemungkar, maka hendaklah diubah dengan tangan (kuasa yang ada

pada dirinya); jika tidak berkesan, maka ubahlah dengan lidah (nasihat); jika tidak mampu juga mengubahnya, maka bencilah kemungkaran itu dengan hati. Maka yang demikian adalah selemah-lemah iman.” Sekiranya gejala ini tidak dipantau dan dibendung daripada peringkat awal lagi, ianya mampu mengundang kepada pelbagai masalah sosial yang lain.

## 6. Cadangan dan pelan tindakan

Berikut adalah beberapa cadangan pelan tindakan yang harus diberi perhatian yang sewajarnya.

### 1) Mengadakan seminar kesedaran:

Satu seminar peringkat nasional tentang pengid harus dianjurkan oleh pihak-pihak bertanggungjawab. Ianya bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang beberapa isu berkaitan pengid, seperti, faktor penularan serta tindakan-tindakan yang harus diambil untuk menanganinya. Seminar ini harus dihadiri oleh pelbagai pihak daripada golongan akademik, pengamal undang-undang, wakil-wakil NGO, ahli-ahli agama sehingga kepada golongan pelajar. Harus ditekankan pentingnya kewujudan kumpulan penekan atau pressure group bagi menyedarkan umum terhadap tahap gejala pengid yang semakin serius melanda masyarakat. Di samping itu, para cendekiawan bersama dengan ahli-ahli agama dan pengamal undang-undang serta media perlu lebih serius membincangkan isu-isu gejala pengid. Gejala pengid perlu dilihat dari sudut hubungan gender, sosial-biologi dan Islam.

### 2) Menambahbaikan peranan kaunseling keluarga dan sekolah:

Beberapa mekanisme drastik harus dirancang bagi meningkatkan lagi khidmat kaunseling di peringkat sekolah. Khidmat kaunseling on-line harus dijalankan secara meluas memandangkan individu-individu yang bermasalah sukar untuk meluahkan perasaan mereka secara berdepan. Khidmat kauseling on-line dilihat sebagai satu saluran atau platform komunikasi yang berkesan untuk menarik individu meluahkan perasaan dan masalah masing-masing.

### 3) Menubuhkan pusat memperkasakan akidah:

Pusat seumpama ini amat penting bagi memantapkan akidah remaja pada hari ini. Kemantapan akidah merupakan kunci kepada kemuliaan peribadi seseorang. Oleh itu, beberapa rancangan yang bersifat motivasi harus dianjurkan oleh pusat ini bagi memberi kefahaman yang mendalam tentang kepentingan akidah dan kesannya terhadap pembentukan sahsiah diri.

### 4) Membuat filem/dokumentari berkenaan gejala sosial pengid:

Masyarakat harus didedahkan dengan gambaran sebenar kehidupan pengid yang jelas tersasar daripada landasan agama. Salah satu medium bagi menyebarkan informasi berkenaan gayahidup songsang pengid dan implikasinya terhadap masyarakat adalah melalui filem atau dokumentari. Pendedahan haruslah berdasarkan fakta-fakta yang tepat agar masyarakat tidak terkeliru dalam membuat penilaian berkenaan pengid.

### 5) Memperbanyakkan iklan tentang bahayanya budaya pengid:

Cara mudah dalam memberi pengajaran tentang bahaya budaya pengid adalah melalui iklan-iklan di televisyen. Paparan iklan dengan cara yang berkesan boleh memberi satu impak yang besar kepada masyarakat.

### 6) Mengadakan program untuk menarik minat golongan bekas pengid untuk turut sama membanteras gejala tersebut:

Kaunseling yang dikelolakan oleh kepada bekas-bekas pengid yang telah bertaubat harus dipertingkat. Mereka harus memainkan peranan yang amat besar bagi menarik golongan pengid ke arah jalan yang benar. Bekas pengid lebih mengetahui kehendak seorang pengid berdasarkan pengalaman masa lalu.

**7) Memperbanyakkan edaran risalah mengenai pengetahuan ajaran Islam oleh jabatan agama setiap negeri:**

Masyarakat jarang didedahkan dengan bahan-bahan risalah berkaitan pengkid dari sudut agama. Kejailan hukum perlakuan pengkid menyebabkan masyarakat menganggapnya sebagai satu norma kehidupan dan hak kebebasan individu. Adalah dibimbangkan bahawa pengkid tidak dianggap sebagai satu kesalahan. Penyebaran risalah adalah satu medium dakwah yang berkesan dan ianya harus merangkumi segenap lapisan masyarakat. Bahagian penerbitan jabatan agama di setiap negeri disarankan agar lebih aktif dalam mengedarkan risalah yang menyentuh tentang isu pengkid daripada sudut agama. Kupasan yang jelas berdasarkan sumber-sumber al-Qur'an, hadith, ijma' dan sebagainya mampu memberi pengetahuan serta kesedaran yang tinggi kepada masyarakat. Selain daripada risalah, penulisan buku serta artikel berkaitan pengkid perlu diterbitkan dengan lebih meluas. Di dalam konteks ini, ahli-ahli agama harus memainkan peranan yang lebih aktif di dalam membincangkan isu-isu sosial semasa termasuk pengkid yang dilihat sebagai isu terpinggir dan tidak mendapat liputan yang meluas.

**8) Memperbanyakkan edaran risalah mengenai bahaya pengkid dari sudut kesihatan, moral (akhlik) dan perubatan:**

Selain daripada perspektif agama, risalah berkaitan bahaya pengkid dari sudut kesihatan, moral, dan perubatan harus juga dipapar dan diedarkan kepada masyarakat. Pendedahan tentang implikasi negatif dari segi emosi serta psikologi juga mampu menjauhi masyarakat daripada terjebak dengan gejala ini. Bahan-bahan risalah haruslah diedarkan secara menyeluruh kepada masyarakat bermula daripada sekolah, masjid, tempat-tempat awam dan sebagainya. Risalah-risalah berkenaan bahaya merokok telah berjaya sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada masyarakat; oleh itu, risalah berkaitan pengkid juga dilihat mampu menarik minat masyarakat untuk membaca seterusnya menimbulkan kesedaran diri.

**9) Memupuk budaya prihatin di kalangan masyarakat:**

Sifat individualistik masyarakat hari ini boleh menyumbang kepada penularan pelbagai gejala sosial. Sifat ini harus dibendung dengan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti serta program bersama tetangga. Beberapa slogan keperihatinan masyarakat harus disebarluaskan. Salah satu aspek di dalam adat pepatih iaitu 'buapak harus menjaga anak buah' dapat dijadikan bahan rujukan dan boleh diaplikasikan di dalam masyarakat.

**10) Mewujudkan persatuan untuk menangani budaya pengkid:**

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak persatuan yang berjuang dengan cara masing-masing dalam menangani gejala sosial di dalam masyarakat. Namun begitu, tidak ada satu koordinasi dan objektif yang jelas di antara persatuan-persatuan tersebut dan methodologi yang digunakan agak berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, satu persatuan khas bagi menangani masalah pengkid harus ditubuhkan. Pendekatan persatuan ini harus menjurus kepada masalah dan isu pengkid secara spesifik.

**11) Mengadakan kempen menyayangi anak bangsa yang kurang jati diri:**

Pengkid menonjolkan personaliti dan tingkah laku yang tidak seiring dengan budaya Melayu serta ajaran agama Islam. Oleh itu, perlakuan pengkid berkait rapat dengan kehilangan identiti serta jati diri bangsa dan agama. Bagi menyedarkan golongan remaja yang mudah terikut-ikut dengan budaya asing, kempen-kempen berkaitan jati diri harus dianjurkan secara konsisten dari semasa ke semasa. Ianya harus mula didedahkan kepada golongan pelajar peringkat rendah dan menengah seterusnya ke peringkat universiti.

**12) Menguatkuasakan undang-undang syariah:**

Salah satu cara yang dianggap paling berkesan untuk menangani masalah pengkid ialah melalui mekanisme undang-undang. Pengkid merupakan salah satu kategori kesalahan jenayah shariah yang

tertakluk kepada kepada kanun jenayah shariah negeri-negeri. Peruntukan bagi kesalahan jenayah pengkid adalah terlalu umum seperti 'perempuan berlagak seperti lelaki atau lelaki berlagak seperti perempuan'. Ketiadaan definasi atau interpretasi khusus tentang pengkid memberi ruang kepada para qadhi dan hakim-hakim shariah untuk membuat interpretasi yang luas. Ketiadaan definasi yang seragam menyebabkan ketidakberkesanan undang-undang. Sesetengah kes disabit kesalahan manakala sesetengah yang lain pula tidak pula disabitkan kesalahan. Justeru, peruntukan umum (berlagak seperti lelaki) hendaklah dipinda dengan memperuntukan definasi atau takrifan yang lebih tepat dan khusus berkenaan pengkid.

Indikator-indikator fizikal dan tingkahlaku hasil dari kajian ini boleh dijadikan penunjuk untuk mensabitkan kesalahan. Definasi ini tidak boleh bertindan dengan maknya atau pondan. Oleh itu, peruntukan khusus untuk pengkid harus diwujudkan. Sebagai contoh, kes sumbang mahram telah dikhatuskan daripada kes rogol yang dilihat lebih umum dan kes ragut telah dikhatuskan daripada kes curi yang juga dilihat lebih umum.

13) Memperbanyak kajian tentang gejala pengkid:

Kajian tentang gejala pengkid amat berkurangan jika dibandingkan dengan gejala-gejala sosial yang lain. Malah, penyelidikan ini sukar mendapatkan statistik tentang penglibatan pengkid berdasarkan kaum dan sebagainya. Oleh itu, penyelidikan ilmiah tentang pengkid harus dipertingkatkan dan diberi perhatian yang sewajarnya. Peruntukan kewangan tidak harus terhad kepada kajian yang bersasaskan sains dan teknologi sahaja malah ianya juga harus meliputi kajian sosial yang menyumbang kepada aspek pembangunan insan.

14) Menambahbaikkan metodologi pendidikan Islam di peringkat sekolah:

Pendidikan Islam adalah satu matapelajaran penting bagi membentuk shahsiah diri. Metodologi pembelajaran dan pengajaran Islam harus dibaik pulih melibatkan korrikulum atau modul pembelajaran. Satu bengkel khusus membincangkan isu ini harus dianjurkan secepat mungkin dan objektif bengkel ialah untuk meninjau bagaimana pendidikan Islam harus dilihat relevan dengan isu-isu sosial terkini seperti pengkid.

15) Mengurangkan tempat-tempat hiburan:

Pihak berkuasa harus menyekat lesen bagi pusat-pusat hiburan daripada terus beroperasi. Ini kerana tempat-tempat sebegini menjadi tumpuan remaja berpeleseran dan terpengaruh di antara satu sama lain. Serbuan demi serbuan harus dibuat dari masa ke semasa bagi mencegah maksiat di dalam masyarakat.

Pihak berkuasa harus mengenal pasti tempat-tempat yang menjadi tumpuan pengkid berkumpul khususnya di Brickfield, Bangsar, dan Ampang. Pusat-pusat pengkid ini masih terus beroperasi tanpa mendapat gangguan daripada mana-mana pihak.

16) Menyabitkan kes pengkid di bawah akta juvana:

Kes pengkid di bawah umur disarankan agar diperuntukkan di bawah akta juvana bagi proses pemulihan.

## Rujukan

- [1] Berenbaum, Sheri A. "Effects of early androgens on sex-typed activities and interests in adolescents with congenital adrenal hyperplasia." *Hormones and Behavior* 35, no. 1 (1999): 102-110.
- [2] May, Eric E., and Jacques Jomier. "The Bible and the Koran." (1965): 193-194.
- [3] Roughgarden, Joan. *Evolution's rainbow: Diversity, gender, and sexuality in nature and people*. Univ of California Press, 2005.
- [3] Wahbah al-Zuhayli. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr, 1989.
- [4] Al-Syaukani. *Nail al-Autar Sharh al-Muntaqal al-akhbar*. Cairo: Matb'ah Mustafa al-Halabi, 1982.
- [5] Al-Fayumi. *Al-Misbah al-Munir*. Cairo: Dar al-Hadith. 2003.
- [6] Syeikh Abdul Aziz Ibn Bazz. *Fatawa al Mar'ah al-Muslimah*. International Islamic Publishing House, 2005.
- [7] [www.nlm.nih.gov/medlineplus/ency/article/000411.htm](http://www.nlm.nih.gov/medlineplus/ency/article/000411.htm)

- [8] www.e-fatwa.gov.my
- [9] Judith M. Bennet. *Lesbian-Like and the Social History of Lesbianism*. Chapel Hill: University of North Carolina, 2009.
- [10] Wendy B. Bostwick. *Mental Health Issues among Gay, Lesbian, Bisexual, and Transgender (GLBT) People*. MPH, National Alliance on Menatl Illness. 2007.
- [11] Azizan Baharuddin. *Islam, Fitrah dan Kebebasan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2012.
- [12] Stephen Ellingson. *Religion and Sexuality in Cross Cultural Perspective*. New York: Routledge, 2002.